

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 12/12/2013

Muka surat: 2

Tajuk : UNIMAS Menunggu Kerajaan Membina Hospital Pengajaran.

UNIMAS menunggu kerajaan membina hospital pengajaran

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) masih menunggu kerajaan membina hospital pengajarannya bagi meningkatkan kualiti terutama berkaitan kajian dan pembangunan bagi profesor serta pelajar perubatan mereka.

Bagaimanapun, sehingga kini, UNIMAS belum lagi menerima dana yang diperlukan untuk membina hospital itu sebaliknya mereka perlu menghantar pelajar perubatan dan pensyarah ke tiga hospital di Sarawak iaitu di Hospital Umum Sarawak (HUS), Hospital Serian dan Hospital Sibiu.

Menurut bekas Naib Cancellor UNIMA yang enggan nama didedahkan, untuk membina hospital pengajaran

tersebut dijangka menelan kos sekurang-kurangnya setengah bilion ringgit.

“Sebagai bekas naib cancellor, saya mahu mendedahkan bahawa kami telah banyak kali memohon dana untuk membina hospital pengajaran bagi UNIMAS.

“Tetapi setiap kali kami mengemukakan perkara tersebut kepada kementerian berkaitan, kami sering diberitahu bahawa dana tersebut tidak dapat diberikan kerana ia terlalu tinggi... ia sebenarnya di luar kawalan kami,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan turut mencadangkan untuk menggunakan Hospital Petra Jaya yang akan dibina pada kos RM500 juta sebagai hospital pengajaran

bagi UNIMAS.

“Sewajarnya, hospital universiti harus dibina untuk kegunaan sendiri dan tidak bagi tujuan lain agar kita dapat mengeluarkan anggota perubatan yang berkualiti selain dapat menjalankan kajian penting mengenai penyakit yang merembak dalam negara kita.

“Maka, adalah masih berguna jika UNIMAS mempunyai hospital sendiri pada suatu hari nanti,” katanya.

Beliau juga berkata untuk menghantar pelajar perubatan dan pensyarah ke hospital-hospital yang jauh akan menyebabkan kos tambahan kepada universiti dan anjakan untuk tempoh masa tertentu.

“Ini adalah membebankan bagi pelajar dan pensyarah,

misalnya mereka perlu pergi ke Hospital Serian dan Sibiu hanya untuk mengikuti beberapa subjek dan latihan,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata UNIMAS bukan satu-satunya universiti awam di negara ini yang tidak mempunyai hospital pengajaran sendiri di mana Universiti Pertanian Malaysia (UPM) juga perlu menggunakan Hospital Serdang di Selangor sebagai hospital latihan mereka.

Baru-baru ini, doktor perubatan Malaysia yang baharu sahaja bertugas di luar negara telah mencadangkan agar UNIMAS mempunyai hospital latihan sendiri agar ia dapat meningkatkan lagi kualiti pelajar perubatan dan profesor mereka.